



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN


KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	SALINAN SIJIL YANG DIPERLUKAN	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN/ HARTA BENDA MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN UNTUK TEMPOH 12 BULAN (MPPn/SH/06/2025)	220801 Bumiputera / Bukan Bumiputera	<ul style="list-style-type: none">Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) <p>Sijil hendaklah aktif sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga 28 Januari 2025.</p>	RM50.00 Bayaran adalah secara TANPA TUNAI (CASHLESS) iaitu menggunakan KAD DEBIT sahaja.	Isnin-Khamis 8.30 pagi – 3 petang Jumaat 8.30 pagi – 12 tengahari

- Dokumen sebut harga boleh dimuat turun dengan mengimbas **QR CODE** yang dipaparkan di bawah. Dokumen mula dijual pada **22 Januari 2025 (Rabu)** hingga **28 Januari 2025 (Selasa)**, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari.
- Syarikat perlu mencetak dokumen sebut harga dan membawa dokumen tersebut ke **Kaunter Pelbagai No. 4, Aras G, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** untuk urusan pembayaran. Urusan pembayaran hanya boleh dibuat oleh penama atau wakil syarikat (wakil hanya boleh mewakili satu syarikat sahaja) dengan membawa **cop syarikat** dan **surat wakil**. Dokumen sebut harga dan **resit bayaran** hendaklah dibawa ke **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** untuk mendapatkan cop rasmi MPPn di dokumen tersebut.
- Syarikat juga perlu membawa salinan **sijil pendaftaran** dari **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, **sijil pendaftaran** dari **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (sekiranya ada)** untuk disemak serta menyerahkannya semasa urusan daftar kehadiran pembeli dokumen sebut harga.

Dokumen sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri** dan bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjurong kiri sampul surat serta **LAMPIRKAN BERSAMA RESIT PEMBAYARAN YANG DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT** ke dalam **peti sebut harga** bertempat di Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor atas nama, **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor**. **PENYEBUT HARGA DIINGATKAN UNTUK MEMBUKUKAN DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN SEBAGAIMANA DI SENARAI SEMAK.**


HAJI AB RAZAK BIN KHALID K.B.,P.A.
Yang Di Pertua,
Majlis Perbandaran Pontian,
Bertarikh : 21 Januari 2025

U/nii

